

**SULIT**



**UTHM**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

## **UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER III SESI 2013/2014**

NAMA KURSUS	:	PERAKAUNAN KEWANGAN
KOD KURSUS	:	DAT 20702
PROGRAM	:	2 DAT
TARIKH PEPERIKSAAN	:	OGOS 2014
MASA	:	3 JAM
ARAHAN	:	A) JAWAB SEMUA SOALAN B) JAWAB SATU (1) SOALAN SAHAJA.

**KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI LIMA BELAS (15) MUKA SURAT**

**SULIT**

## BAHASA MELAYU

### BAHAGIAN A

S1 (a) Berdasarkan kepada pernyataan dibawah, jelaskan kosep yang terlibat serta tujuannya digunakan.

- (i) Sebuah mesin pengisar makanan telah dibeli dengan harga RM 8,000 pada 2 Ogos 2013. Harga pasaran meningkat kepada RM 10,000 pada keesokkannya.
- (ii) Wang yang dilaburkan oleh pemilik perniagaan dianggap sebagai liabiliti perniagaan.
- (iii) Satu urusniaga telah berlaku, namun nilai bagi barang tersebut tidak dapat dipastikan. Peniaga membuat keputusan untuk tidak merekodkan urusniaga tersebut sehingga nilai barang tersebut dikenalpasti.
- (iv) Akaun Peralatan Pejabat didebitkan dan Akaun Ali Perabot dikreditkan RM 1,000 kerana membeli meja komputer secara kredit.
- (v) Perniagaan Rahmat menjalankan dasar di mana semua urusniaga yang terlibat perlu dikeluarkan resit sebagai bukti kepada urusniaga yang berlaku.

(5 markah)

(b) Profesional perakaunan merupakan satu profesion yang mempunyai tahap kawal selia yang tinggi. Kelulusan untuk menjadi seorang akauntan profesional yang bertauliah dikawal ketat oleh badan yang relevan.

- (i) Nyatakan **DUA (2)** badan yang terlibat dalam menyediakan akauntan yang profesional di Malaysia.

(2 markah)

- (ii) Hubungkan fungsi badan tersebut dalam mempengaruhi amalan perakaunan di Malaysia.

(6 markah)

- (c) Berdasarkan kepada maklumat di bawah, sediakan Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 dengan menunjukkan kos barang-barang untuk dijual dan kos barang jualan:

Stok pada 1 Januari 2013	10,000
Stok pada 31 Disember 2013	14,000
Belian barang niaga	37,500
Jualan barang niaga	58,200
Pulangan belian	200
Pulangan jualan	300
Angkutan belian	1,200
Duti atas belian	3,700
Insurans atas belian	1,100

(12 markah)

- S2 (a) Baki-baki berikut diambil daripada buku perakaunan Syarikat Ilham Jaya pada 30 Jun 2013.

	RM
Perabot	7,600
Tunai	1,300
Bank	12,800
Penghutang	7,500
Stok	15,400
Modal	25,000
Untung bersih	7,950
Pemiutang	11,650

Urusniaga yang berikut berlaku sepanjang bulan Julai 2013.

- Julai 2 Jualan stok berkos RM 1,200 secara tunai pada harga RM 1,500  
 6 Bayar insurans berjumlah RM 480 dengan cek.  
 13 Jualan stok berkos RM 2,500 secara kredit pada harga RM 2,900.  
 18 Terima komisen RM 120 secara tunai.

Sediakan:

- (i) Persamaan perakaunan bagi urusniaga di atas.  
 (ii) Kunci kira-kira pada 15 Julai 2013.

(12 markah)

- (b) Dokumen perniagaan merupakan maklumat penting yang menunjukkan sesebuah urusniaga itu berlaku.
- (i) Nyatakan tujuan utama dokumen perniagaan diperlukan dalam perakaunan. (2 markah)
- (ii) Terangkan perbezaan antara dokumen yang menghasilkan catatan perakaunan dan dokumen yang tidak menghasilkan catatan perakaunan beserta contoh dokumen yang terlibat. (5 markah)
- (c) Rekodkan urusniaga di bawah ke dalam Jurnal am kepunyaan Syarikat Maju Jaya.
- |     |    |   |
|-----|----|---|
| Mac | 1  | Syarikat memulakan perniagaan dengan tunai RM 2,000, tunai di bank RM 25,000 dan sebuah premis RM 50,000. |
|     | 4  | Terima invois berjumlah RM 7,000 daripada Syarikat Ahmad kerana membaik pulih premis.                     |
|     | 7  | Syarikat mengeluarkan barangniaga RM 300 untuk kegunaan sendiri.  |
|     | 16 | Sebuah komputer riba berharga RM 4,000 dibeli daripada Syarikat Usahajaya untuk kegunaan pejabat.         |
|     | 20 | Sebuah peti sejuk bernilai RM 1,200 dibawa masuk untuk kegunaan syarikat.                                 |
|     | 27 | Barang niaga bernilai RM 200 diedarkan sebagai contoh percuma dalam kampen pengiklanan.                   |
- (6 markah)

- S3** (a) (i) Kenalpasti **DUA (2)** bentuk pengukuran yang terdapat dalam perakaunan. (2 markah)
- (ii) Terangkan bentuk-bentuk pelarasian yang terlibat dalam menyediakan penyata kewangan. (5 markah)

- (b) Perusahaan Jentayu telah membeli sebuah lori dengan kos RM 80,000, dengan anggaran nilai skrap sebanyak RM 5,000. Kirakan jumlah susut nilai dengan menggunakan kaedah baki berkurangan pada kadar 50% setahun dan lengkapkan seperti **Jadual S3(b)** di bawah. (Tunjukkan jalan kerja bagi pengiraan susut nilai).

**Jadual S3(b)**

Thn	Pengiraan (RM)	Belanja Susut Nilai (RM)	Susut Nilai Terkumpul (RM)	Nilai Buku Bersih (RM)
0				
1				
2				
3				
4				

(8 markah)

- (c) **Jadual S3(c)** di bawah merupakan Imbangan Duga yang disediakan pada 31 Disember 2013.

**Jadual S3(c)** Imbangan Duga yang disediakan pada 31 Disember 2013.

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Penghutang Peruntukan Hutang Lapuk	11,500	500

**Maklumat tambahan:**

Peruntukan hutang ragu dikekalkan pada kadar 5% daripada penghutang.

**Sediakan:**

- (i) Akaun Peruntukan Hutang Ragu.
- (ii) Akaun Untung Rugi dan Kunci Kira-Kira.

(10 markah)

**BAHAGIAN B**

- S4** (a) Nyatakan jumlah yang dicatatkan dalam Penyata Pendapatan bagi setiap yang berikut:
- (i) Stok akhir bernilai RM 6,000 pada harga kos dan RM 6,500 pada harga pasaran.
  - (ii) Peruntukan hutang rugu berkurang daripada RM 700 kepada RM 550.
  - (iii) Gaji telah dibayar RM 15,000, gaji terakru RM 3,000.
  - (iv) Belanja iklan dan promosi RM 25,000 yang dicadangkan dibahagikan bagi tempoh 2 tahun.
  - (v) Belian RM 13,000, ambilan barang-barang RM 500 belum dicatatkan.
- (5 markah)
- (b) Terangkan perbezaan antara belanja langsung dan belanja tak langsung beserta contoh.  
(6 markah)
- (c) Berikut adalah beberapa maklumat Perniagaan Rahmat.

	<b>RM</b>
Jualan	48,000
Stok (1 Jan 2013)	8,000
Stok (31 Dis 2013)	12,000

**Maklumat tambahan:**

Untuk menentukan harga jualan, adalah menjadi amalan perniagaan menambahkan harga atas kos sebanyak 20% bagi semua barang. Belanja operasi perniagaan adalah 5% ke atas jualan.

Berdasarkan maklumat di atas, kira:

- (i) Untung kasar
- (ii) Belian
- (iii) Kadar pusing ganti stok
- (iv) Untung bersih

- (v) Tokokan
  - (vi) Margin untung kasar
  - (vii) Margin untung bersih
- (14 markah)

**S5 (a)** Haziman ialah pemilik sebuah Kedai Runcit. **Jadual S5** menunjukkan maklumat yang berikut diperolehi daripada buku perniagaannya pada 31 Disember 2013.

**Jadual S5 Imbangan Duga pada 31 Disember 2013**

	<b>Debit (RM)</b>	<b>Kredit (RM)</b>
Premis	35,000	
Perabot	6,000	
Stok awal	3,000	
Penghutang dan Pembiutang	6,000	7,750
Bank	1,655	
Ambilan	675	
Modal		35,000
Jualan dan Belian	60,000	78,800
Pulangan masuk dan Pulangan Keluar	435	600
Komisen		716
Hutang Lapuk	300	
Gaji	6,860	
Insurans	1,395	
Angkutan masuk	256	
Sewa motor van	900	
Diskaun diberi dan diskau diterima	230	140
Bil utiliti	750	
Susut nilai terkumpul-Perabot		450
	<b>123,456</b>	<b>123,456</b>

**Maklumat Tambahan:**

- Stok pada 31 Disember 2013 dinilaikan pada RM 5,555.
- Gaji sebanyak RM 300 masih belum dibayar.
- Insurans terdahulu sebanyak RM 240.
- Alatan pejabat disusutnilaikan dengan kadar 20% pada kos.
- Komisen sebanyak RM 345 masih belum diterima.
- Peruntukan hutang rugi 5% daripada penghutang hendaklah diwujudkan.

Sediakan:

(i) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi Bagi Tahun Berakhir pada 31 Disember 2013.

(ii) Kunci Kira-Kira pada 31 Disember 2013.

(14 markah)

(b) Senaraikan **DUA (2)** perbezaan aktiviti perniagaan yang wujud di Malaysia.

(5 markah)

(c) Bincangkan kepentingan pembuatan keputusan dalam perangkaan untuk belanjawan modal bagi sesebuah syarikat.

(6 markah)

**-SOALAN TAMAT-**

**ENGLISH**

**SECTION A**

**Q1** (a) Indicate the accounting concept and purpose used based on the following statements.

- (i) A food blender machine was bought with a price of RM 8,000 on August 2<sup>nd</sup>, 2013. Market price increase to RM 10,000 on the following day.
- (ii) Money invested by business owners are treated as liabilities of the business.
- (iii) A transaction occurred, but the value of the goods cannot be ascertained. Traders decided to not record the transaction until the merchandise is identified.
- (iv) Office Equipment account is debited and Ali Furniture accounts is credited about RM 1,000 for purchasing of a computer desk on credit.
- (v) Perniagaan Rahmat conduct a basis which all the transactions involved should be issued a receipt as proof of the transaction occurred.

(5 marks)

(b) The accounting profession is a profession with high regulatory standards. Approval to be a certified professional accountant is tightly regulated by the relevant authorities.

- (i) State **TWO (2)** bodies that involved in providing professional accountants in Malaysia.

(2 marks)

- (ii) Relate the functions of these bodies in influencing accounting practices in Malaysia.

(6 marks)

- (c) Based on the information below, prepare a Trading Account for the year ended December 31<sup>st</sup>, 2013 to show the cost of goods sold and cost of goods sold:

	RM
Stocks on 1 <sup>st</sup> January 2013	10,000
Stocks on 31 <sup>st</sup> December 2013	14,000
Purchase of goods	37,500
Sales of goods	58,200
Purchase Return	200
Sales Return	300
Freight purchase	1,200
Duty on purchase	3,700
Insurance on purchase	1,100

(12 marks)

- Q2 (a)** The following balances are taken from Ilham Jaya Company's accounting book on June 30<sup>th</sup> 2013.

	RM
Furniture	7,600
Cash	1,300
Bank	12,800
Debtors	7,500
Stock	15,400
Capital	25,000
Net Profits	7,950
Creditors	11,650

The following transactions took place on July 2013.

- July      2      Stock sales cost RM 1,200 in cash at a price of RM 1,500  
           6      Paid insurance RM 480 by cheque.  
           13     Stock sales cost RM 2,500 in credit at a price of RM 2,900.  
           18     Receive commissions RM 120 by cash.

Prepare:

- (i)      Equation accounting for the above transactions.  
       (ii)     Balance sheet on 15<sup>th</sup> July 2013.

(12 marks)

(b) Business documents are essential information which shows the transactions occurs.

(i) State the purpose of the documents required in the accounting.

(2 marks)

(ii) Explain the difference between a document that produces accounting records and documents that do not generate accounting entries along with examples of documents involved.

(5 marks)

(c) Record the transaction above in General Journal of Syarikat Maju Jaya.

March 1 Company starts a business with cash of RM 2,000, cash in bank RM 25,000 and a premise RM 50,000.

4 Receives invoice amounting RM 7,000 from Syarikat Ahmad for repairing the premises.

7 The company producing goods RM 300 for its own use.

16 A laptop computer priced RM 4,000 purchased from Syarikat Usahajaya for office use.

20 A refrigerator worth RM 1,200 was brought for company use.

27 Goods valued at RM 200 were distributed as free samples in advertising campaigns.

(6 marks)

**Q3** (a) (i) Identify **TWO (2)** form of accounting measurement.

(2 marks)

(ii) Explain types of adjustment used in preparing the financial statements.

(5 marks)

- (b) Jentayu Enterprises has bought a truck with a cost of RM 80,000, with an estimated residual value of RM 5,000. Calculate the amount of depreciation using the declining balance method at a rate of 50% per year and complete the **table Q3(b)** below. (Show your work for calculating depreciation).

**Table Q3(b)**

Year	Calculation (RM)	Depreciation expense (RM)	Accumulated depreciation (RM)	Net book value (RM)
0				
1				
2				
3				
4				

(8 marks)

- (c) **Table Q3(c)** below show the Trial and balance prepared on 31<sup>st</sup> December 2013.

**Table Q3(c) Trial and balance prepared on 31<sup>st</sup> December 2013**

	Debit (RM)	Credit (RM)
Debtors	11,500	
Provision for bad debts		500

**Additional information:**

Provision for doubtful debts is maintained at 5% of debtors.

Prepare:

- (i) Provision for Doubtful Account.
- (ii) Profit and Loss Account and Balance Sheet Account.

(10 marks)

**PART B**

- Q4** (a) State the amount reported in Income Statement for each of the following:
- (i) Closing stock valued at cost RM 6,000 and RM 6,500 for the market price.
  - (ii) Provision for doubtful debts decreased from RM 700 to RM 550.
  - (iii) Salary paid at RM 15,000, Accrual salary at RM 3,000.
  - (iv) Advertising and promotion expenses proposed RM 25,000 divided for two years.
  - (v) Purchases of RM 13,000, withdrawal of items RM 500 was not recorded. (5 marks)
- (b) Give the differences between direct expenses and indirect expenses with examples. (6 marks)
- (c) Below are the information from Rahmat Enterprise.

	<b>RM</b>
Sales	48,000
Stock (1 <sup>st</sup> Jan 2013)	8,000
Stock (31 <sup>st</sup> Dec 2013)	12,000

**Additional information:**

It is a business practise in determining the selling price to increase the price on the cost of 20% of all goods. Business operating expenses are 5% of sales.

Based on the information above, calculate:

- (i) Gross profit
- (ii) Purchase
- (iii) The rate of stock turn over
- (iv) Net profit
- (v) Increment
- (vi) Gross profit margin

(vii) Net profit margin

(14 marks)

- Q5 (a)** Haziman was an owner of a retail store. **Table S5** shows the following information from his accounting books on 31<sup>st</sup> December 2013.

**Table S5 Trial Balance on 31<sup>st</sup> December 2013**

	<b>Debit (RM)</b>	<b>Credit (RM)</b>
Premises	35,000	
Furniture	6,000	
Early stocks	3,000	
Debtors and creditors	6,000	7,750
Bank	1,655	
Drawings	675	
Capital		35,000
Sales and purchases	60,000	78,800
Sales return and Purchase return	435	600
Commission		716
Bad debts	300	
Salary	6,860	
Insurance	1,395	
Transport in	256	
Motor Van Rental	900	
Cash discounts and receive discounts	230	140
Utility bills	750	
Accumulated depreciation-Furniture		450
	<b>123,456</b>	<b>123,456</b>

**Additional information:**

- Stock on 31<sup>st</sup> December 2013 value at RM 5,555.
- Salary of RM 300 is unpaid.
- Precedence insurance is about RM 240.
- Office equipment are depreciated at the rate of 20% on cost.
- Commission of RM 345 has not been received..
- Provision of doubtful debts are 5% of the debtors should be created.

Prepare:

- (i) Trading and Profit and Loss Account for the year ended on 31<sup>st</sup> December, 2013.
- (ii) Balance sheet on 31<sup>st</sup> December 31, 2013. (14 marks)
- (b) List **TWO (2)** difference business activities that exist in Malaysia. (5 marks)
- (c) Discuss the importance of decision making in statistical for capital budgeting for a company. (6 marks)

**- END OF QUESTION -**